

04 OCT 2000

TNB-kereta

SELEPAS SYDNEY, MUNGKIN ATHENS UNTUK KERETA ELEKTRIK TNB-FN

MYCHETT (dekat Farnborough), 4 Okt (Bernama) -- Sukan Olimpik Sydney telah menaikkan imej kereta elektrik yang diusahakan bersama Frazer Nash (FN) dan Tenaga Nasional Berhad di bawah syarikat usaha sama Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM).

POEM, yang mana Tenaga Nasional melabur kira-kira RM50 bagi ekuiti 80:20 dalam tahun 1997 Frazer Nash, sekarang mengalami pertukan ekuiti dengan FN memegang 80 peratus ekuiti.

Cliff Winckless, pengarah urusan Frazer Nash dan sekarang Ketua Eksekutif POEM berkata sukan tersebut telah manikkan imej kereta tersebut dan membawa banyak kebaikan kepada syarikat.

Sydney telah membeli 380 kereta untuk digunakan semasa sukan Olimpik, kereta berharga kira-kira AS\$5,000 setiap satu.

Winckless berkata kerana prestasi kereta tersebut jawatankuasa sukan Olimpik Sydney telah menghubungi FN bagi membuat tawaran jualan untuk sukan Olimpik Athens 2004.

"FN juga mengharapakan Sukan Komanwel Manchester 2001 bagi pasaran kereta itu," kata Winckless.

Pada hari ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, Winckless berkata perdana menteri telah ditunjukkan prototaip kereta elektrik yang tidak memerlukan masa untuk dicas dan dan sistem bacaan kad yang boleh digunakan untuk merekodkan perjalanan.

Berkaitan kereta elektrik itu, Winckless berkata sejumlah 3,000 kereta buatan Malaysia telah dijual di Asia, Australia dan Eropah.

Badan kereta dibuat di Malaysia, manakala penyelidikan dan pembangunan dilakukan oleh FN.

-- BERNAMA

WAH ES RI